

KENYATAAN MPI

MPI mula terima penyertaan HKM 2016

MPI mula menerima penyertaan Hadiah Kewartawanan Malaysia 2016 (HKM 2016). Antara yang terawal mengemukakan karya untuk dinilai ialah Focus Malaysia, Astro Digital Publication, BERNAMA, SelangorFM dan See Hua Daily.

Tarikh tutup bagi karya-karya yang telah disiarkan mulai 1 Januari hingga 31 Oktober 2016 ditutup penyertaannya pada 30 November 2016 dilanjutkan kepada 15 Disember 2016. Bagi artikel yang telah disiarkan dari 1 November hingga 31 Disember 2016 tarikh tutup penyertaan ialah pada 15 Januari 2017.

Penyampaian hadiah kepada para pemenang dijangka diadakan sebelum pertengahan 2017.

Sebanyak 19 kategori dipertandingkan iaitu Tokoh Wartawan Negara, Anugerah Khas Juri, Hadiah Kajai, Hadiah Wartawan Muda A. Samad Ismail, Laporan Berita Cemerlang, Kewartawanan Penyiasatan Cemerlang, Kewartawanan Antarabangsa Cemerlang, Penulisan Rencana Cemerlang, Penulisan Kolum / Rencana Cemerlang, Kewartawanan Alam Sekitar Cemerlang – PETRONAS, Laporan Portal Berita Terbaik, Kewartawanan Foto Cemerlang, Esei Foto Cemerlang, Berita Video Terbaik, Dokumentari Video Terbaik, Infografik Terbaik, Desain Halaman Pertama Terbaik, Laporan Radio Terbaik dan Kartun Editorial Terbaik.

Mulai HKM 2016, MPI juga menambah satu kategori baharu iaitu Tokoh Media Negara. Jumlah kategori yang dipertandingkan adalah 20 kategori.

Petronas meneruskan kolaborasi sebagai penaja utama HKM 2016 sejak tahun 1994 dengan nilai tajaan hadiah RM 300,000 termasuk wang tunai, sijil dan trofi kepada para pemenang.

MPI menasihati pengamal media supaya jangan berlengah lagi untuk mengemukakan penyertaan masing-masing.

Tetapi setiap penyertaan haruslah disahkan oleh Ketua Pengarang/Ketua Jabatan atau wakil yang diberikan kuasa.

Yuran penyertaan sebanyak RM 100 untuk ahli dan RM 200 untuk bukan ahli dikenakan bagi setiap penyertaan.

Yuran penyertaan ditanggung oleh organisasi media masing-masing atau oleh peserta secara persendirian.

Dikeluarkan pada Isnin, 5 Disember 2016.